



**PERUTUSAN
NIK NAZMI NIK AHMAD
MENTERI SUMBER ASLI DAN KELESTARIAN ALAM**

SEMPENA HARI HIDUPAN LIAR SEDUNIA 2024

3 MAC 2024

Perhimpunan Agung Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNGA) pada 20 Disember 2013 telah mengisytiharkan tarikh 3 Mac setiap tahun sebagai Hari Hidupan Liar Sedunia (*World Wildlife Day*) bagi meraikan dan meningkatkan pemahaman serta kesedaran awam mengenai isu-isu fauna dan flora liar.

Tema sambutan pada tahun ini adalah "***Connecting People and Planet: Exploring Digital Innovation in Wildlife Conservation***". Tema ini dipilih bagi meningkatkan kesedaran masyarakat mengenai kepentingan inovasi digital dalam usaha mengukuhkan konservasi fauna dan flora liar termasuk aspek penyelidikan, komunikasi, pengesanan dan analisis DNA secara lebih mudah, cepat dan berkesan.

Dalam aspek hidupan liar, Kementerian Sumber Asli dan Kelestarian Alam (NRES) melalui Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara (PERHILITAN) Semenanjung Malaysia telah mengambil inisiatif untuk meneroka penggunaan teknologi antaranya melalui penggunaan perangkap kamera yang dilengkapi dengan *Artificial Intelligence* (AI) bagi memantau spesies hidupan liar; penggunaan *Unmanned Aerial Vehicle*

(UAV) seperti dron untuk memantau kehadiran dan pergerakan hidupan liar; dan penggunaan satelit bagi pembangunan sistem amaran awal (*early warning system*).

Selain memastikan kelangsungan hidup Harimau Malaya di habitat semula jadi (*in-situ*), konservasi *ex-situ* adalah kritikal kerana populasi Harimau Malaya di habitat semula jadi adalah sangat rendah. Jabatan PERHILITAN telah memperkasakan Makmal Forensik Hidupan Liar Kebangsaan dengan perolehan peralatan makmal berteknologi tinggi untuk meningkatkan kapasiti forensik, konservasi *ex-situ*, *bio-banking*; Laboratory Information Management Systems (LIMS) dan pengawasan penyakit zoonotik. Pendekatan ini boleh meningkatkan pelaksanaan program pembiakan secara aruhan (*assisted reproductive technology - ART*) bagi membantu menambahkan populasi Harimau Malaya dalam kurungan melalui kaedah *artificial insemination*.

Dalam aspek pengurusan hutan pula, NRES melalui Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia (JPSM) telah memanfaatkan penggunaan teknologi seperti sistem *Forest Monitoring using Remote Sensing (FMRS)* bagi mengesan sebarang perubahan yang berlaku di dalam Hutan Simpanan Kekal di Semenanjung Malaysia.

Jabatan Perhutanan Sabah dengan kerjasama Agensi Angkasa Malaysia (MYSA) telah membangunkan sistem *iForSabah* dengan menggunakan imej satelit sebagai langkah pemantauan jarak jauh (*remote sensing*) bagi mengesan sebarang perubahan yang berlaku dalam kawasan hutan simpan di Sabah.

Manakala, Jabatan Hutan Sarawak telah membangunkan sistem *Continuous Monitoring of Surveillance* (COMOS) yang menggabungkan analisis imej satelit dan menentusahkan titik kordinat dengan menggunakan sistem cerapan udara hiperspektral bagi membantu tindakan penguatkuasaan di lapangan.

Saya berharap kesedaran mengenai kepentingan inovasi digital dan inisiatif untuk menggalakkan penggunaannya akan terus diperkukuhkan. Akhir kata, marilah kita bersama-sama berganding bahu untuk melindungi serta memulihara fauna dan flora liar yang merupakan khazanah negara yang amat berharga.

Selamat Menyambut Hari Hidupan Liar Sedunia Tahun 2024.

**NIK NAZMI NIK AHMAD
MENTERI SUMBER ASLI DAN PERUBAHAN IKLIM
3 MAC 2024**